



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

23 DISEMBER 2021

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Si Lumba-Lumba Bukan 'Petanda Malang' • Mikroplastik Ancam Hidupan Laut, Manusia • Manusia Sudah Termakan Mikroplastik?
Berita Harian	• 50 Penternak Ikan Air Tawar Rugi RM12 Juta
Harian Metro	• 50 Penternak Ikan Kolam Rugi RM12 Juta • 2,000 Udang Kara Matang Musnah
Kosmo !	• Ikan Lumba-Lumba Berenang Di Perairan Jeti Teluk Kumbar Bukan Petanda Ada Bencana • Ratusan Ribu Ikan Air Tawar Milik 50 Penternak Mati - Rugi RM12 Juta Akiat Banjir Lumpur
Sinar Harian	• 600 Nelayan Terima Lesen Khas Sampan
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Harakah	•
Oriental News Daily	•
The Borneo Post (KK)	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI	7	23/12/21
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

Berenang hantar jerami buat lembu

Kuala Lumpur: Kasihnya sang tuan kepada haiwan peliharaan membuatkan seorang penternak sanggup meredah banjir dan berenang sejauh 800 meter membawa jerami untuk diberi makan kepada lembu dan kambingnya, selain memastikan haiwan itu selamat daripada dihanyutkan banjir.

Shafiq Muzaqir Shahrol Hair, 24, berkata hujan lebat pada Sabtu dan Ahad lalu menyebabkan air naik sampai ke paras bahu ditambah pula lokasi kandang ternakannya yang terletak agak ke dalam di Kampung Lombong, Kota Kemuning Shah Alam, menyukarkan misi untuk menyelamatkan kesemua haiwan itu.

"Sewaktu hujan lebat dan banjir masih boleh diharungi, saya dibantu 11 orang rakan sama-sama berenang untuk membawa keluar 10 daripada 80 lembu dari kandang.

"Namun apabila keadaan banjir bertambah buruk dan tiada ikhtiar lain dapat dilakukan memandangkan kenderaan pacuan empat roda dan lori sudah tidak dapat masuk untuk mem-

bawa haiwan-haiwan itu keluar, hanya dengan cara berenang sahaja saya dapat

membawa makanan kepada lembu dan kambing yang masih terkandas," katanya. Jumlah lalu beliau sempat memindahkan 300 kambing menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan ditempatkan di kandang milik rakannya di Jalan Kebun, manakala 300 kambing lagi hanya sempat diahhkan ke bahagian atas kandang.

Shafiq Muzaqir berkata, ini merupakan kejadian pertama bencana banjir buruk berlaku yang mengakibatkan 16 kambing

dan tiga lembu peliharaan mati, sejak beliau mengusahakan ternakan itu bersama keluarga 10 tahun lalu.

Beliau berkata, pihaknya ada meminta bantuan bot namun keutamaan diberi untuk menyelamatkan mangsa yang terperangkap dalam banjir.

"Saya mengalami kerugian kira-kira RM70,000 termasuk makanan haiwan, peralatan seperti mesin pemotong tulang serta daging lembu dan kambing yang telah dipotong dan dimasukkan ke dalam peti yang turut rosak ditenggelami air," katanya.

SHAFIQ memberi makan lembunya ketika banjir.



2,000 udang kara matang musnah

Hab Petukar gagal diselamatkan dalam banjir Sabtu lalu

Kuala Lumpur

Lebih dua ribu udang kara matang yang siap untuk dipasarkan bernilai puluhan ribu ringgit antara yang musnah dalam kejadian banjir besar di Hulu Langat Sabtu lalu.

Projek Hab Pengumpulan dan Tumpuan Ternakan Udang Kara (Hab Petukar) yang diusahakan bekas penjawat awam, Suhaidy Shuib, 36, di belakang rumahnya di Dusun Tua, Hulu Langat itu gagal diselamatkan apabila air naik terlalu pantas hingga menenggelamkan 80 tangki yang mengandungi udang itu.

Dalam kejadian jam 9 malam itu, air mula memasuki rumah sedalam paras paha dan terus meningkat hingga ke tingkat rumah pada awal pagi keesokan-

nya. "Dalam jam 10, alat pengesan yang dipasang pada tangki memberi amaran kenaikan air dan pam oksigen

sedia ada yang menggunakan elektrik terpadam, sebelum ia bertukar kepada pam yang menggunakan bateri.

"Namun pada jam 11 ma-

lam apabila talian internet turut terputus, alat pengesan juga tidak berfungsi lagi dan tenggelam," katanya.

Selain udang kara, turut musnah dalam bencana itu adalah barang-barang elektronik yang digunakan untuk projek udang kara, barangan pejabat serta gerai makan yang dibina di kawasan rumahnya. Kerugian dianggarkan sekitar RM60,000.

Suhaidy yang sudah beru-

mahtangga dan tinggal bersama keluarganya mengusahakan ternakan udang kara secara serius sejak enam tahun lalu setelah membuat keputusan meninggalkan kerjaya sebagai penjawat awam.

Beliau yang merupakan penerima geran agropreneur muda daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mendapat bantuan RM30,000 ketika berjinak-jinak memulakan projek itu, selain turut menerima bantuan Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak RM100,000 dan mula membangunkan Hub Pengumpu-

50 penternak ikan kolam rugi RM12j

Jejebu: Lima puluh penternak ikan di daerah ini kerugian kira-kira RM12 juta selepas ikan di kolam masing-masing mati akibat banjir.

Ketua Perikanan Daerah Jejebu Mohd Azhar Jusoh berkata, banjir yang membawa lumpur sehingga memasuki kolam ternakan menyebabkan ratusan ribu ikan air tawar pelbagai jenis mati.

"Bekalan oksigen ke kolam turut terputus selepas kawasan berkenaan mengalami gangguan bekalan elektrik.

"Dalam keadaan tertentu, ikan hanya mampu bertahan selama empat jam tanpa oksigen," katanya.

Mohd Azhar berkata, ikan yang mati ada yang sudah boleh dijual, malah ada yang sudah ditempek pelanggan. Katanya, selain kolam di-



Dalam keadaan tertentu, ikan hanya mampu bertahan selama empat jam tanpa oksigen

Mohd Azhar

limpahi air berlumpur, ada juga kolam yang pecah menyebabkan ikan terlepas.

Mohd Azhar berkata, kerugian itu turut membabitkan kerosakan kolam, peralatan dan makanan ikan yang musnah.

"Ikan tilapia merah, lele koh, lampang jawa, haruan, baung, keli, puyu dan udang galah antara yang mati dalam bencana ini.

"Ini kerugian paling besar dialami penternak dalam banjir luar biasa yang melanda daerah ini," katanya.



SEBAGIAN udang kara yang mati ditenggelami banjir.

lalui Mafi Prihatin turun memberikan sumbangan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hulu Langat yang terjejas dalam bencana itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kinandee turut meninjau keadaan ahli-ahli PPK yang terjejas bagi merangka bantuan yang sesuai untuk diberikan.



TANGKI udang kara disalut lumpur selepas banjir besar pada Sabtu lalu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

14

Negara!

Kosmo! KHAMIS 23 DISEMBER 2021

Ikan lumba-lumba berenang di perairan Jeti Teluk Kumbar

Bukan petanda ada bencana

GEORGE TOWN — Penemuan kira-kira 50 ikan lumba-lumba di perairan berdekatan Jeti Teluk Kumbar dekat sini kelmarin bukan petanda akan berlakunya kejadian ombak besar atau tsunami yang pernah berlaku 17 tahun lalu di negeri ini.

Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Aileen Tan berkata, pihaknya menolak dakwaan kehadiran hidupan laut yang dilindungi di perairan negeri ini merupakan isyarat bencana sebaliknya adalah normal bagi penemuan spesies itu setiap hujung tahun.

Mengulas lanjut katanya, ketika ini adalah musim ikan lumba-lumba bermigrasi mencari sumber makanan.

"Setiap penghujung tahun hingga awal tahun, penemuan ikan lumba-lumba adalah lebih kerap. Masa ini juga adalah musim migrasi untuk ikan tuna



PENEMUAN kira-kira 50 ekor ikan lumba-lumba di perairan dekat Jeti Nelayan Teluk Kumbar, Bayan Lepas kelmarin.

dan kembung.

"Rasanya bukan (petanda tsunami) kerana setiap tahun masa yang sama kekerapan penemuan ikan lumba-lumba adalah lebih tinggi. Kebetulan tiupan angin juga berlaku berdekatan perairan ini dalam dua tiga hari ini," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Sebelum ini, Pulau Pinang pernah dilanda bencana tsunami pada 26 Disember 2004 sehingga mengakibatkan 52 mangsa terkorban dan 141 cedera dalam kejadian kira-kira 1.30 tengah hari.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan sekumpulan tiga nelayan pantai tergampang terserempak dengan kira-kira 50 ekor ikan lumba-lumba berhadapan dengan Jeti Nelayan Teluk Kumbar.

Penemuan spesies dilindungi dengan anggaran saiz hingga dua meter itu ditemui pada pukul 1.30 tengah hari ketika dalam perjalanan menangkap ikan di kawasan Pulau Rimau.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Si lumba-lumba bukan 'petanda malang'

GEORGETOWN: Penemuan sekumpulan 50 ikan lumba-lumba di perairan berdekatan Jeti Teluk Kumbar di sini pada Isnin lalu, bukan petanda akan berlakunya bencana alam seperti kejadian ombak besar atau tsunami yang pernah terjadi di negeri ini 17 tahun lalu.

Sebaliknya, Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Aileen Tan berkata, penemuan hidupan marin itu adalah perkara biasa yang berlaku di perairan negeri ini khususnya ketika hujung tahun.

Katanya, ketika ini adalah musim ikan lumba-lumba bermigrasi mencari sumber makanan.

"Setiap hujung tahun hingga awal tahun, penemuan ikan lumba-lumba adalah lebih ke-



KEHADIRAN sekumpulan ikan lumba-lumba di perairan Teluk Kumbar, Pulau Pinang bukan petanda akan berlakunya bencana ombak besar sebaliknya merupakan proses migrasi hidupan marin itu setiap hujung tahun bagi mencari makanan.

Masa ini juga adalah musim migrasi untuk ikan tuna dan kembung.

"Kehadiran ikan lumba-lumba itu bukan petanda bencana kerana setiap tahun pada waktu ketika dihubungi di sini se-

malam.

Pulau Pinang pernah dilanda bencana tsunami pada 26 Disember 2004 sehingga mengakibatkan 52 mangsa terkorban dan 141 cedera dalam kejadian kira-kira 1.30 petang.

Kelmarin, sekumpulan tiga nelayan pantai dilaporkan terpegun ketika terserempak dengan kumpulan kira-kira 50 ekor ikan lumba-lumba berhadapan Jeti Nelayan Teluk Kumbar.

Spesies dilindungi dengan anggaran saiz sehingga dua meter itu ditemukan pada pukul 1.30 petang ketika mereka dalam perjalanan menangkap ikan di kawasan Pulau Rimau.

Pada bulan lalu juga, sekumpulan nelayan turut terserempak dengan spesies ikan lumba-lumba dan yu paus sepanjang tujuh meter berhampiran perairan Pulau Kendi di sini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

600 nelayan terima lesen khas sampan

KEMAMAN - Seramai 600 nelayan di daerah ini menerima lesen khas nelayan sampan yang diserahkan kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (Terengganu).

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sebelum ini pihaknya berusaha mendapatkan lesen khas terbabit bagi memberi peluang kepada nelayan-nelayan negeri ini agar rasa lebih selamat dan bebas untuk menangkap ikan.

"Dengan adanya lesen khas ini maka dapatlah nelayan menikmati beberapa kemudahan daripada kerajaan negeri dan mereka dapat turun dengan tenang ke laut serta tidak dinafikan daripada mendapat elaun sara hidup nelayan, bantuan bencana dan sebagainya.

"Saya berharap dengan usaha tersebut sektor perikanan di negeri ini akan berkembang dan hasil tangkapan yang didaratkan akan dapat direkodkan," katanya kepada pemberita selepas ditemui sempena Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) Pulau Skepeng pada Isnin.

Sepanjang tahun ini, seramai 415 nelayan di negeri itu sudah menerima manfaat daripada agihan bantuan peralatan seperti *fishfinder*, kawat



Azman (tengah) melakukan aksi mendayung sampan sebagai simbol perasmian sempena Majlis PSN.

bubu, pukot tangsi dan kit memancing.

Dalam pada itu, Azman berkata, sepanjang tahun ini, pihaknya telah melepaskan sebanyak 1.36 juta benih ikan pelbagai spesies ke perairan umum seperti baung, udang galah, sebarau, kelah dan patin selain penyerahan daripada Bantuan Tabung Bencana Pertanian berjumlah RM84,500 melibatkan 70 penternak ikan.

"Selain itu, menerusi sokongan Dana Skim Bantuan Modal Tani berjumlah RM1,331,440 telah diserahkan kepada 57 penternak akuakultur di negeri ini sepanjang tahun," jelasnya.

JENIS AKHBAR										MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL					

Ratusan ribu ikan air tawar milik 50 penternak mati Rugi RM12 juta akibat banjir lumpur

Oleh NURULAZMA SHAFIQAH
KHAIRUL AZHAR

JELEBU – Kejadian bah besar yang melanda sekitar daerah ini Sabtu lalu menjadi mimpi ngeri buat 50 penternak ikan air tawar selepas ratusan ribu hidupan air pelbagai jenis mati akibat banjir lumpur.

Ketua Perikanan Daerah Jelebu, Mohd. Azhar Jusoh berkata, pihaknya menganggarkan jumlah kerugian keseluruhan yang ditanggung oleh kesemua pengusaha tersebut mencecah sehingga RM12 juta.

Menurut beliau, banjir yang berlaku telah membawa sama lumpur sehingga masuk ke kolam ternakan ikan yang diusahakan sekali gus menyebabkan ratusan ribu pelbagai jenis ikan air tawar mati.

“Bekalan oksigen ke kolam ternakan ikan terputus apabila kawasan berkenaan turut mengalami gangguan bekalan elektrik. Ikan hanya mampu bertalian selama empat jam tanpa oksigen sebelum mati.

“Kebanyakan ikan yang mati ini sudah sedia untuk dijual malah ada yang telah pun

ditempah oleh pelanggan,” katanya ketika ditemui di Felda Titi di sini semalam.

Menurut Mohd. Azhar, selain kolam yang dilimpahi air berlumpur, terdapat juga kolam yang pecah menyebabkan ikan terlepas keluar,” jelasnya.

Mohd. Azhar berkata, kerugian itu turut membabitkan kerosakan kolam, peralatan dan makanan ikan yang musnah.

“Kebanyakan pengusaha tersebut menternak ikan seperti likuh, tilapia merah, lampam, haruan, baung, keli dan juga udang galah,” ujarnya.



SEBAHAGIAN ikan air tawar di salah sebuah kolam ternakan ikan di Felda Titi, Jelebu yang mati susulan kejadian banjir yang melanda daerah Jelebu, Sabtu lalu.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		



Oleh DAYANG HANIA RAFEL
dayang.hania@mediamula.com.my

PLASTIK sangat popular digunakan dalam masa kini antara plastik yang dikenali ramai ialah botol-botol minuman, pembungkus makanan, pembuang sampah dan sebagainya.

Umum mengetahui plastik ini bermasalah, namun dek kerana sudah 'biasa' menggunakannya, waima dikenakan cas 20 sen sekalipun seolah tidak memberi kesan mahupun kesedaran kepada segelintir rakyat.

Masih ramai lagi yang sanggup membayar jumlah tersebut untuk mendapatkan plastic bungkusan ketika membeli-belah atas alasan menyenangkan berbanding membawa beg sendiri.

Lebih parah apabila wujud individu tidak bertanggungjawab yang membuang plastik di merata-rata tempat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Muhammad Syafiq Musa berkata, pada awal 1960-an penyelidikan menjangkakan plastik tidak akan reput.

Namun setelah beberapa kajian dilakukan, plastik itu akan terurai tetapi dalam jangka masa yang lama. Malah turut mendatangkan keburukan kepada manusia dan alam sekitar.

Plastik adalah apa yang dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Namun ada elemen lebih halus dan sukar untuk dikesan iaitu serpihan kecil plastik yang terdegradasi digelar mikroplastik.

"Buat masa ini kajian masih dijalankan mengenai apa kesan mikroplastik ini kepada manusia. Namun apabila menyentuh isu alam sekitar, semestinya ia memberi kesan buruk," katanya.


APA ITU MIKROPLASTIK?

Mikroplastik adalah plastik kecil yang panjangnya tidak melebihi 5mm. Cebisan ini banyak ditemukan di laut.

Disebabkan ukurannya yang halus, ia boleh masuk ke dalam organ dalaman hidupan marin seperti ikan dan kemudian



Mikroplastik ancam hidupan laut, manusia



AHLI kumpulan penyelidikan Microplastics in Biota Universiti Kebangsaan Malaysia (MIB-UKM) bersama Dr. Syafiq Musa (berbaju hitam).




PELITUP muka yang turut dibuang pencemaran mikroplastik sekitar d

dimakan pula oleh manusia.

Hanya kerana saiznya lebih kecil tidak bermakna kewujudannya perlu diabaikan. Sebabnya, ia turut mencemarkan alam sekitar dan boleh membahayakan kesihatan manusia.

Kongsi Dr. Syafiq, terdapat dua sumber utama bagi mikroplastik iaitu sumber



Ancaman terhadap alam

Disebarkan
ukurannya
yang halus, ia
(mikroplastik) boleh
masuk ke dalam
organ dalam
hidupan marin
seperti ikan dan
kemudian dimakan
pula oleh manusia.

kosmetik, scrub muka, sabun,
pencuci muka dan kadang-kadang
terdapat dalam ubat gigi.

"Mikroplastik sekunder
ialah terutamanya secara natural,
contoh pemecahan plastik
yang lebih besar seperti plastik
sampah akibat persekitaran
seperti cuaca, hujan panas,
cahaya matahari atau tekanan
fizikal di laut menyebabkan ia
terurai."

"Peralihan menangkap ikan
seperti pukat yang dipelihara
dan pelbagai jenis plastik
juga boleh terurai menjadi
mikroplastik seluasnya
menyebabkan hidupan laut,"
kongsi.

primer dan sekunder.
Mikroplastik dan sumber
primer sengaja dihasilkan dalam
satu tereset sementara dan
sumber sekunder pula adalah
hasil degradasi plastik besar
kepada cebisan lebih kecil.

"Mikroplastik primer
adalah seperti yang sedia ada
dibahagikan contohnya biji-biji
plastik terdapat dalam bahan

LEBIH menyediakan apabila
ekosistem tercemar akibat
perburuan manusia sendiri.
Sampah serpih yang dituang
di daratan akan berakhir di
lautan juga.

Dr. Syarif berkata, ada
banyak kawasan paya bakau
dalam negara yang bertindak
sebagai penapis. Oleh itu
banyak organisma marin
berkumpul di situ.

Katanya, disebabkan
plastik sampah tersebar di
siti, lama kelamaan ia akan
mencupai dan menyebabkan
organisma hidupan marin
sudah terdedah dengan
mikroplastik dari awal.

"Selain itu, ikan simonim
daging kehidupan manusia
akibat muntah yang ia ada.
Boleh dikatakan ramai
makan ikan setiap hari.

"Kebanyakan ikan yang
dibuat kajian telah dijumpai
mikroplastik di dalamnya.
Oleh kerana terdedah
dengan keadaan tersebut, ia
menyebabkan pembesaran
ikan terbanak," katanya.

Malah kata Dr. Syarif,
kematan seperti ikan paus,
ikan lumba-lumba, penyu
yang terdapat dijumpai
dalamnya penuh dengan
plastik, akibat mereka

anggap sebagai makanan.
Jelasnya, mikroplastik
itu sendiri akan melepaskan
kimia berbahaya apabila
dimakan oleh hidupan laut.

"Di musim pandemik
Covid-19, orang ramai wajib
memakai pelitup muka,
maka makin banyak pelitup
muka dijumpai dibuang
merata.

"Perkara ini bakal
menyebabkan kadar
pencemaran mikroplastik
global akan meningkat
secara mendadak," katanya.

Malah tambah Dr. Syarif
terdapat satu laporan
kajian pada tahun 2017,
mengatakan kandungan
mikroplastik yang ada di
lautan sudah lebih 51 trilion
dan apabila ia terurai, jumlah
tersebut akan berganda.

Jika dibuat perbandingan
ia adalah kadar
membahagikan, kerana
dibahagikan lebih banyak
berbanding jumlah binatang
yang ada pada milky way.

Bersambung di muka 26



ANTARA rupa mikroplastik yang dijumpai dalam ikan laut komersial.

Malah tambah Dr. Syarif
terdapat satu laporan
kajian pada tahun 2017,
mengatakan kandungan
mikroplastik yang ada di
lautan sudah lebih 51 trilion
dan apabila ia terurai, jumlah
tersebut akan berganda.

Jika dibuat perbandingan
ia adalah kadar
membahagikan, kerana
dibahagikan lebih banyak
berbanding jumlah binatang
yang ada pada milky way.

Bersambung di muka 26

Manusia sudah termakan mikroplastik?

Dari muka 24 & 25


Tidak dinikmati ekosistem tercemar akibat perbuatan kita sendiri. Kongsi Dr. Syah secara tidak sedar manusia sudah pun makan mikroplastik oleh kerana terdapat dalam hidupan laut seperti ikan, udang dan kerang.

Katanya, apabila membuang ikan, pasti akan buang bahagian perut dan insang. Malangnya ramai tidak tahu, mikroplastik juga dijumpai dalam isi ikan.

"Kita berjaya membuang kebanyakan mikroplastik yang terdapat pada insang dan perut tetapi tidak bermakna ia bebas sepenuhnya kerana masih ada yang tertinggal pada isi.

Contohnya makanan popular dalam negara, salah satunya ialah nasi lemak. Kebanyakan ikan bilis ini tidak diasing, oleh itu, kita tidak dapat lari daripada termakan mikroplastik yang ada pada ikan bilis tersebut," tambahnya.

Makanan lain pula ialah berasaskan kerang baik beraskan kerang baik direbus atau dibakar. "Kajian menunjukkan terdapat banyak mikroplastik pada kerang, malanya ia memang ada setiap kali kita



AMTBA juga mikroplastik yang tidak dapat dikesan dengan mata kasar tetapi yang dijumpai dalam ikan laut komersial.

hidangan untuk dimakan," terangnya.

Berikut tolok dari hal tersebut, Dr. Syahq membincangkan, mikroplastik turut dijumpai dalam air mineral. "Ada laporan menerangkan setiap

500ml air mineral terdapat sekurang-kurangnya dua mikroplastik di dalamnya dek kerana ukurannya yang halus.

"Kesan buruk terhadap alam sudah dibuktikan, namun kajian kesan buruk terhadap manusia masih lagi dijangka," jelasnya.

Sebelum mengakhiri bicara, Dr. Syahq memetik ayat al-Quran yang bermaksud: 'Telah berlaku kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat

perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar.' (al-Rum: 41)

"Ini bermakna apa yang kita buat pada bumi, ia dipulangkan semula pada kita. Seperti mikroplastik ini, buang pada lautan, kita juga termakan secara tidak sedar," ujarnya.

BOTOL dan sampah plastik yang dibuang merata-rata di pedal pantai.

